

07/02/2003

Pelihara imej ketika NAM: PM

KUALA LUMPUR: Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad semalam meminta kerjasama seluruh rakyat supaya menjadikan Sidang Kemuncak Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) ke-13 di sini yang paling berjaya dan menonjolkan imej terbaik Malaysia.

Perdana Menteri berkata, rakyat harus menunjukkan sikap yang baik, memberi kerjasama dan layanan baik kepada pelawat asing sempena sidang NAM bagi menjayakan persidangan itu.

"Kita perlu tonjolkan imej baik dan tidak harus sombong kerana kita khuatir pihak luar akan memandang rendah terhadap kita. Kita harus memberi layanan baik supaya sidang NAM akan menjadi kenangan manis semua perwakilan apabila balik ke negara asal masing-masing.

"Ini akan membantu kejayaan Malaysia," katanya ketika berucap melancarkan duit syiling peringatan, setem pos kenangan dan sampul surat hari pertama sempena NAM di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini semalam.

Beliau kemudian menghadiri majlis taklimat tertutup mengenai persiapan sidang terbesar pernah diadakan di Malaysia itu dan melawat tempat persidangan NAM di sekitar PWTC.

Pada majlis pelancaran itu, Dr Mahathir turut menandatangani buku Program Kerjasama Teknik Malaysia (PKTM). Buku itu dilancarkan pada 1980 untuk memberi kerjasama teknik kepada negara membangun selaras semangat kerjasama Selatan-Selatan.

Dalam sidang akhbaranya kemudian, beliau melahirkan rasa puas hati dengan persiapan yang dirancang untuk NAM itu yang diadakan pada 20 hingga 25 Februari ini.

Perdana Menteri berkata, persiapan di Dewan Merdeka iaitu lokasi utama untuk persidangan itu juga kelihatan elok walaupun beberapa perkara perlu diperbetulkan bagi menentukan bukan saja di dalam, malah luar dewan juga kelihatan cantik.

"Saya sudah tengok dan daripada taklimat tadi, nampak kita sudah aturkan segala urusan untuk menjayakan persidangan ini. Saya puas hati," katanya

Bagi menjamin lalu lintas berjalan lancar, Dr Mahathir menasihatkan orang ramai pergi ke pejabat atau kedai lebih awal, mungkin sejam lebih awal bagi mengelak gangguan pergerakan 114 ketua negara, kerajaan atau perwakilan dari hotel ke PWTC, kerana beberapa jalan akan ditutup.

Bank Negara Malaysia (BNM) mengeluarkan tiga duit syiling peringatan sempena NAM itu.

Duit syiling peringatan itu boleh didapati di pejabat Pos Besar, 13 pejabat pos negeri seluruh negara, Coin Shoppe The Royal Mint Malaysia dan

Muzium Mata Wang Bank Negara mulai 17 Februari ini.

Ketiga-tiga duit syiling itu sah diperlakukan adalah jenis emas

(peruf),

perak (peruf) dan emas Nordic (kilatan istimewa dan peruf).

Duit syiling prof emas mempunyai ketulenan emas 999.9 seberat 8.6 gram sekeping dengan nilai muka RM100 dan dijual pada harga RM888 sekeping. Duit syiling ini terhad untuk 300 keping.

Sebelum itu, ketika melancarkan Kejohanan Kenu Jemputan Antarabangsa 2003 di Tasik Putrajaya pagi semalam, Perdana Menteri berkata Putrajaya sudah layak dan mampu menjadi tuan rumah Kejohanan Kenu Asia 2005.

Beliau berkata, dengan kemudahan berkualiti tinggi di Putrajaya dan pengalaman luas Malaysia menjadi tuan rumah pelbagai acara sukan antarabangsa, Putrajaya juga mampu menjadi tuan rumah kejohanan kenu itu.

Dr Mahathir berkata, Putrajaya mempunyai masa depan cerah untuk menjadi gelanggang kejohanan antarabangsa berdasarkan komitmen kerajaan Malaysia untuk meningkatkan kemudahan yang ada setaraf dengan standard Olimpik.